

10 NOV 1996

LEAD Mahathir-Measat

PERANCIS NASIHATI DR MAHATHIR BATAL LAWATAN KE KOUROU

Oleh: Azman Ujang

PARIS, 10 Nov (Bernama) -- Kerajaan Perancis telah menasihatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya membatalkan rancangan lawatannya ke Kourou di French Guiana untuk menyaksikan pelancaran satelit kedua Malaysia, Measat II, ekoran rusuhan pelajar dan pekerja di wilayah itu.

Francis P. Avanzi, Ketua Pegawai Operasi dan Naib Presiden Eksekutif Arianespace, konsortium syarikat-syarikat Eropah yang melancarkan satelit itu, memberitahu wartawan Malaysia di sini hari ini bahawa sebagai ganti, kerajaan Perancis akan mengadakan satu siaran langsung pelancaran satelit itu untuk disaksikan oleh Perdana Menteri di sini.

"Ini adalah nasihat daripada kerajaan Perancis yang disampaikan kepada kami hari ini tetapi kami sedang menunggu jawapan daripada Dr Mahathir sendiri yang akan membuat keputusan sama ada untuk menyaksikan pelancaran itu di Kourou atau sebaliknya," kata beliau pada satu taklimat.

Dr Mahathir sedang melawat Ghana.

Bagaimanapun, Avanzi berkata pelancaran itu yang dijadualkan pada 7.40 petang Rabu (6.40 pagi Khamis di Malaysia) akan diteruskan mengikut jadual.

Menurut laporan dari Kourou, rusuhan berlaku di Cayenne, ibu kota French Guiana, tetapi keadaan dilaporkan sudah pulih.

Kerajaan Perancis akan menghantar dua menterinya ke Cayenne bagi menangani masalah itu yang dilaporkan tercetus ekoran kekurangan kemudahan di sekolah-sekolah.

Perancis memerintah wilayah itu yang terletak di timur laut Amerika Selatan. Ia mempunyai 150,000 orang penduduk.

Avanzi berkata Dr Mahathir yang dijadual tiba di lapangan terbang Cayenne pada Selasa, telah dinasihati supaya membatalkan lawatan itu kerana kemungkinan berlaku mogok umum pada hari pelancaran satelit itu.

"Pusat Angkasa Lepas Kourou, tempat pelancaran itu akan dibuat, memiliki bekalan elektriknya sendiri serta beberapa kemudahan lain tetapi hotel tempat Perdana Menteri dan tetamu Malaysia yang lain akan menginap akan terjejas jika berlaku mogok umum.

"Jadi nasihat itu ialah demi keselesaan para tetamu berkenaan," kata beliau.

Binariang Sdn Bhd yang memiliki satelit itu telah mengundang 200 tetamu dari Malaysia untuk menyaksikan pelancaran itu di Kourou termasuk 24 wakil media.

Kumpulan media itu yang dijadual berlepas ke Kourou hari ini telah membatalkan penerbangan mereka.

"Tetapi jika Perdana Menteri anda memutuskan untuk ke Kourou, anda juga akan menyertai beliau," kata Avanzi kepada wartawan terbabit.

Beliau berkata siaran langsung ke Malaysia mengenai pelancaran itu menerusi RTM akan berjalan seperti dijadualkan.

Menurut program asal, Dr Mahathir akan tiba di Cayenne pada Selasa selepas melakukan lawatan semalaman ke Trinidad and Tobago.

Pada Jumaat, Perdana Menteri dijadual mengunjungi Presiden Perancis Jacques Chirac di Istana Elysee. -- BERNAMA

AU MZ MAI